







Pembangunan Glosari Bahan Kosmetik Berteraskan Al-Quran: Suatu Analisis Tafsir Tematik (Mawdu'i)

Development of a Glossary of Cosmetic Ingredients Based on the Quran: A Thematic Interpretation Analysis (Mawdu'i)

Muhammad Syukri Mohd Ashmir Wong^{1*} , Farrah Payyadhah Borhan² 
Nur Hafizah Harun³ , Norazlina Mamat⁴ , Nasharuddin Mohammad⁵ 
Mohammad Fahmi Abdul Hamid⁶ 

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: syukri@uitm.edu.my

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: farrahborahn@uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: hafizahharun@uitm.edu.my

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: norazlinamamat@uitm.edu.my

⁵Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA UiTM Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: nashar2877@uitm.edu.my

⁶Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA UiTM Alor Gajah, 78000 Lendu, Melaka, Malaysia.

Email: fahmihamid@uitm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Muhammad Syukri Mohd
Ashmir Wong
(syukri@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Kosmetik Halal
Halalan Tayyiban
Tafsir Tematik
Glosari Kosmetik
Penjagaan Topikal

KEYWORDS:

Halal Cosmetics
Halalan Tayyiban
Thematic Interpretation
Cosmetics Glossary

Industri kosmetik global kini sedang mengalami anjakan paradigma ke arah kecantikan bersih (*clean beauty*) dan kelestarian alam, yang mana menuntut industri kosmetik Halal beralih daripada sekadar pengesahan negatif iaitu ketiadaan derivatif babi dan alkohol kepada pematuhan konsep Halalan Tayyiban secara holistik. Namun begitu, wujud kelompangan yang ketara dalam wacana literatur Islam di mana majoriti penafsiran dalil alam lebih tertumpu kepada perubatan (dalaman) sekali gus menyukarkan industri penyelidikan dan pembangunan memiliki rujukan berpusat bagi aplikasi penjagaan topikal (luaran). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengekstrak, menganalisis dan membangunkan sebuah glosari bahan kosmetik berteraskan sumber dari Al-Quran. Melalui reka bentuk kualitatif, kajian ini mengaplikasikan metodologi tafsir tematik (Mawdu'i) yang menyilangkan perbahasan ulama silam (Turath) dengan penemuan mukjizat saintifik (I'jaz Ilmi) sarjana kontemporari. Hasil analisa berjaya

Topical Care

CITATION:

Muhammad Syukri, M. A. W., Farrah Payyadhah, B., Nur Hafizah, H., Norazlina, M., Nasharuddin, M., & Mohammad Fahmi, A. H. (2026). Pembangunan Glosari Bahan Kosmetik Berteraskan Al-Quran: Suatu Analisis Tafsir Tematik (Mawdu'i). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(4), e003885. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i4.3885>

mengklasifikasikan 6 dimensi bahan kosmetologi utama iaitu buah-buahan premium, sayur-sayuran ruji, herba terapeutik, fauna dan marin, mineral bumi serta proses biokimia. Dapatan kajian mendapati bahawa Al-Quran membentangkan sebuah ekosistem formulasi yang sangat lengkap yang merangkumi agen pelarut, pengawet semula jadi bebas toksik, bahan aktif pembaharuan selular serta menyelesaikan perbahasan hukum modifikasi biokimia seperti penapaian (Istihalah). Kajian ini memberi implikasi besar dengan menawarkan satu piawaian positif yang menyokong penghasilan inovasi kosmetik hijau berteraskan wahyu ilahi.

ABSTRACT

The global cosmetics industry is currently experiencing a paradigm shift towards clean beauty and environmental sustainability, which requires the Halal cosmetics industry to move from merely negative affirmations of the absence of pork derivatives and alcohol to holistic compliance with the Halalan Tayyiban concept. However, there is a significant gap in the discourse of Islamic literature where the majority of interpretations of the natural evidence are more focused on medicine (internal) thus making it difficult for the research and development industry to have a centralized reference for topical care applications (external). Therefore, this study aims to extract, analyze and develop a glossary of cosmetic ingredients based on sources from the Quran. Through a qualitative design, this study applies the thematic interpretation methodology (Mawdu'i) which crosses the debates of ancient scholars (Turath) with the discoveries of scientific miracles (I'jaz Ilmi) of contemporary scholars. The results of the analysis successfully classified 6 dimensions of main cosmetology ingredients, namely premium fruits, staple vegetables, therapeutic herbs, fauna and marine, earth minerals and biochemical processes. The findings of the study found that the Quran presents a very complete formulation ecosystem that includes solvent agents, non-toxic natural preservatives, active ingredients for cellular renewal and resolves the debate on the law of biochemical modification such as fermentation (Istihalah). This study has major implications by offering a positive standard that supports the production of green cosmetic innovations based on divine revelation.

Sumbangan/Keaslian: Artikel ini menyumbang kepada bidang kosmetik halal melalui pembangunan glosari bahan kosmetik yang berteraskan Al-Quran menggunakan pendekatan tafsir tematik (mawdu'i). Glosari ini berfungsi sebagai rujukan awal yang sistematik dalam memahami istilah dan konsep bahan kosmetik menurut perspektif wahyu, di samping memperkukuh integrasi antara bidang tafsir al-Quran dan industri kosmetik halal.

1. Pengenalan

Industri penjagaan diri dan kosmetik global kini sedang mencatatkan trajektori pertumbuhan yang luar biasa, dipacu oleh kesedaran pengguna terhadap kesihatan kulit dan kesejahteraan holistik. Dekad ini menyaksikan satu anjakan paradigma yang signifikan dalam tingkah laku pengguna antarabangsa yang semakin beralih kepada trend clean beauty (kecantikan bersih), kelestarian alam (sustainability), dan kosmetik hijau. Perkembangan ini meletakkan industri kosmetik Halal di kedudukan yang sangat strategik, bukan lagi sebagai pasaran eksklusif (niche) untuk umat Islam, tetapi sebagai piawaian global bagi produk yang beretika, selamat, dan bebas daripada bahan kimia sintetik yang memudaratkan. Dalam konteks ini, Malaysia telah mengukuhkan posisinya sebagai hab Halal global yang utama. Ekosistem industri di Malaysia, terutamanya yang melibatkan Pengilang Peralatan Asal (OEM) kosmetik, kini giat memacu inovasi untuk menembusi pasaran kosmetik antarabangsa melalui pematuhan standard Halal yang ketat (Zainuddin & Deraman, 2024).

Seiring dengan kerancakan pasaran, pemahaman pengguna Muslim terhadap kosmetik Halal juga telah berevolusi. Pengguna kini tidak lagi memadai dengan pendekatan "pengesanan negatif", iaitu sekadar memastikan produk bebas daripada derivatif khinzir (porcine) atau alkohol yang memabukkan (Khamr). Tuntutan pasaran kini terarah kepada pematuhan konsep Halalan Tayyiban (halal lagi baik) secara holistik. Berdasarkan kerangka perundangan Islam, Tayyiban dalam aplikasi kosmesetikal merujuk kepada profil keselamatan bahan (bukan toksik), pengekaln fitrah pelindung kulit (skin barrier), penyucian yang sah (membenarkan air wuduk telap), dan mesra alam (Othman & Ismail, 2024). Namun begitu, industri kosmetik Halal masa kini berhadapan dengan satu paradoks; banyak formulasi yang disahkan Halal masih menggunakan bahan kimia sintetik yang kasar (seperti paraben dan Sodium Laureth Sulfate) atau bergantung kepada sumber syubhah (seperti kolagen mamalia komersial) yang bertentangan dengan semangat Tayyiban yang disyariatkan.

1.1. Permasalahan Kajian

Sebagai solusi kepada polemik rumusan bahan kimia sintetik ini, Al-Quran sebenarnya telah mewahyukan secara spesifik pelbagai isyarat mengenai penciptaan elemen alam, merangkumi botani, fauna, hidupan marin, mineral bumi, dan proses biokimia, yang sarat dengan manfaat terapeutik. Walau bagaimanapun, satu kelompangan kajian (research gap) yang besar wujud dalam wacana literatur Islam kontemporari. Majoriti kajian lepas yang memfokuskan kepada alam semula jadi di dalam Al-Quran atau wacana Tibb an-Nabawi (Perubatan Nabawi) terlalu menumpukan kepada aspek perubatan dalaman, diet pemakanan, dan rawatan penyakit sistemik secara umum (Hussain et al., 2023).

Usaha untuk mengekstrak dalil-dalil alam ini secara khusus bagi tujuan aplikasi luaran, penjagaan topikal, dan dermatologi masih sangat terbatas. Akibatnya, industri penyelidikan dan pembangunan (R&D) kosmetik Islam tidak mempunyai sebuah pangkalan data atau glosari rujukan berpusat yang menafsirkan bahan-bahan wahyu ini secara sistematik. Keadaan ini menyukarkan pengintegrasian antara kepakaran ulama (Tafsir/Fiqh) dan ahli sains material untuk memformulasikan kosmetik Halal aras tinggi berasaskan Al-Quran.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengekstrak, menganalisis, dan membangunkan sebuah glosari bahan kosmetik berteraskan al-Quran. Kajian ini merupakan kajian rintis berfokus dalam pengekstrakan sumber-sumber bahan kosmetik berteraskan Al-Quran.

2. Sorotan Literatur

2.1. Keperluan dan Kepentingan Pembangunan Glosari Kosmetik Islamik

Kosmetik merupakan sebahagian daripada barisan produk *Fast Moving Consumer Good* (FMCG) yang digunakan secara meluas dalam rutin penjagaan diri harian. Menurut Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), kosmetik ditakrifkan sebagai apa-apa bahan atau sediaan yang bertujuan untuk bersentuhan dengan pelbagai bahagian luaran tubuh manusia atau dengan gigi dan membran mukosa mulut, dengan tujuan utama untuk membersihkan, mewangi, mengubah penampilan, mahupun melindungi bahagian tersebut. Pembangunan produk kosmetik dalam industri kini melangkaui fungsi estetika luaran, merangkumi aspek perlindungan fisiologi dan rawatan dermatologi yang kompleks. Secara teknikal, kegunaan kosmetik diklasifikasikan mengikut fungsi spesifiknya, bermula daripada ejen pembersihan dan perlindungan terhadap faktor persekitaran, sehinggalah kepada fungsi pemulihan selular melalui aplikasi bahan aktif. Keberkesanan fungsi ini bergantung sepenuhnya kepada formulasi kosmetik yang sistematik, di mana keseimbangan antara fasa *aqua* (air) dan fasa minyak (emolien) distabilkan oleh agen pengemulsi bagi membentuk emulsi yang kohesif. Integrasi sistem penghantaran (*delivery system*) yang stabil serta penggunaan pengawet yang selamat adalah kritikal bagi menjamin jangka hayat produk dan menghalang kontaminasi mikrob yang boleh menjejaskan integriti produk secara keseluruhan (Borhan et al., 2023).

Walau bagaimanapun, cabaran utama dalam sains formulasi kontemporari ialah pengurusan sumber bahan mentah kritikal yang sering menimbulkan polemik dari sudut keselamatan dan kesucian syarak. Bahan-bahan seperti gliserin, asid stearik, kolagen, dan gelatin dikategorikan sebagai bahan berisiko tinggi (*high-risk*) kerana sumber asalnya yang versatil, sama ada daripada sumber tumbuhan, sintetik, atau haiwan (Sugibayashi et al. 2019) Dalam konteks ini, penggunaan bahan derivatif haiwan memerlukan pemantauan rantai bekalan yang ketat bagi mengelakkan penggunaan bahan daripada sumber najis, khususnya babi (*porcine*) atau haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum Islam. Justeru, identifikasi sumber bahan mentah bukan sekadar isu teknikal farmaseutikal, malah merupakan parameter utama dalam menentukan kualiti *thoyyiban* sesebuah produk di pasaran global.

Sehubungan itu, Standard Malaysia MS 2634:2019 berfungsi sebagai kerangka regulatori utama yang mengawal selia sumber bahan mentah yang dibenarkan dalam pengeluaran kosmetik halal. Piawaian ini menetapkan bahawa bahan berasaskan tumbuhan dan mineral adalah dibenarkan secara prinsipnya, selagi ia bebas daripada toksik dan mematuhi garis panduan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA). Dalam konteks pasaran Malaysia yang mementingkan aspek patuh syariah, Standard Malaysia MS 2634 bagi kosmetik halal memberikan garis panduan komprehensif yang menekankan bahawa produk tersebut bukan sahaja harus bebas daripada bahan najis, malah perlu dihasilkan melalui proses yang bersih dan selamat (*thoyyiban*). Penekanan utama kini diberikan kepada sumber bahan mentah, di mana pemilihan ramuan berasaskan tumbuhan, sintetik

yang selamat, atau sumber haiwan yang disembelih mengikut hukum syarak menjadi faktor kritikal bagi memastikan integriti produk dapat dijamin buat para pengguna.

Produk kosmetik bahan alami menunjukkan potensi besar dalam industri kosmetik hijau (*green cosmetics*). Bahan-bahan seperti minyak zaitun (*Zaytun*), delima (*Rumman*), dan madu (*Asal*) bukan sekadar simbol keberkatan dalam teks wahyu, malah telah dibuktikan secara saintifik mempunyai profil fitokimia yang tinggi seperti antioksidan, polifenol, dan asid lemak perlu (Zakaria & Ibrahim (2022)). Kajian terdahulu dalam bidang *Prophetic Medicine* (Tibb al-Nabawi) banyak memfokuskan kepada aspek penyembuhan dalaman, namun aplikasi bahan-bahan ini sebagai ramuan aktif dan bahan asas dalam formulasi kosmetik luaran masih memerlukan dokumentasi yang lebih sistematik.

Oleh yang demikian, pembangunan sebuah glosari atau pangkalan data (*database*) khusus bagi bahan kosmetik berteraskan Islam merupakan satu keperluan mendesak dalam ekosistem industri Halal masa kini. Menelusuri wacana perundangan Islam dan sains material, wujud satu jurang disiplin yang ketara; sarjana Fiqh dan Tafsir sering membahaskan teks wahyu secara teoretikal, manakala pakar sains kosmetologi bergerak dalam silo makmal berasaskan piawaian Barat. Ketiadaan rujukan berpusat (*centralized reference*) menyebabkan industri R&D kosmetik Islam bergelut untuk menentukan status kesucian dan kebaikan (*Tayyiban*) bahan-bahan moden seperti peptida marin, ekstrak lendir, atau pelarut biokimia (Othman & Ismail, 2024). Oleh itu, sebuah glosari yang komprehensif berfungsi sebagai jambatan epistemologi yang menghubungkan kedua-dua bidang ini. Ia bukan sahaja menyeragamkan (*standardize*) definisi bahan *Tayyiban* untuk rujukan penggubal polisi seperti JAKIM, malah mempercepatkan proses pengkomersialan produk kosmetik hijau yang dijamin patuh syariah secara holistik.

2.2 Wacana Halalan Tayyiban dalam Aplikasi Topikal dan Kosmetologi

Konsep *Halalan Tayyiban* telah dibincangkan secara meluas dalam literatur pengajian Islam, namun pengaplikasiannya sering dimonopoli oleh sektor pemakanan dan kewangan. Dalam konteks aplikasi topikal (sapuan luaran), definisi *Tayyiban* memerlukan tafsiran yang lebih dinamik. Menurut Zainuddin dan Deraman (2024), kosmetik yang *Tayyiban* perlulah memenuhi parameter keselamatan kulit (tidak mengakis pelindung kulit atau *skin barrier*), kelestarian alam (terbiodegradasi), dan keabsahan ibadah (telap air atau *water-permeable* bagi membolehkan wuduk). Malangnya, industri kosmetik komersial hari ini berhadapan dengan lambakan bahan sintetik yang berstatus halal (bebas sumber haiwan terlarang) tetapi bersifat *khabith* (buruk/memudaratkan) dalam jangka panjang, seperti penggunaan bahan peluntur raksa (merkuri) dan pengawet *paraben*. Transisi kepada formulasi bebas toksik ini menuntut kepada penerokaan alternatif bahan semula jadi yang keabsahan dan khasiatnya telah diperakui sendiri oleh teks wahyu.

Salah satu aplikasi *Tayyiban* dalam kategori sumber bahan mentah dalam kosmetik ialah penggunaan sumber tumbuhan sebagai ramuan utama dalam formulasi kosmetik kian mendominasi pasaran global disebabkan oleh profil keselamatan yang tinggi dan keberkesanan bioaktifnya yang bersifat terapeutik. Penemuan saintifik mutakhir menunjukkan bahawa ekstrak tumbuhan seperti pegaga (*Centella asiatica*) Kongkaew et al., (2020); Phupaisan et al., (2024); , teh hijau (*Camellia sinensis*) Di Sotto et al., (2022); Koch et al., (2019); Messire et al., (2023) dan soya (*Glycine max*) Borhan et al., (2014) menjadi komponen teras dalam produk penjagaan kulit kerana memiliki sifat kosmetik fungsian (*functional cosmetic properties*) yang pelbagai. Pegaga, misalnya, terkenal

dengan keupayaan merangsang sintesis kolagen dan bersifat anti-penuaan, manakala teh hijau membekalkan polifenol yang tinggi sebagai antioksidan serta agen penyekat tirosinase (*tyrosinase blocking*) yang efektif untuk pencerahan kulit (Johnson et al., 2023). Selain itu, sebatian isoflavon dalam soya terbukti secara klinikal mampu menangani masalah hiperpigmentasi dan memperkukuh lapisan penghadang kulit (skin barrier) (Borhan, 2021). Integrasi bahan-bahan alami ini bukan sahaja memberikan kesan anti-pigmentasi dan pencerahan yang optimum, malah memenuhi permintaan pengguna terhadap produk yang berasaskan sumber semula jadi yang mampan dan thoyyiban.

2.3. Eksplorasi Elemen Alam dalam Al-Quran dan Pendekatan *Tafsir Mawdu'i*

Tinjauan terhadap literatur lepas mendedahkan bahawa kajian mengenai botani, fauna, dan unsur bumi dalam Al-Quran bukanlah suatu yang asing. Pelbagai kajian telah mendokumentasikan khasiat madu, zaitun, habbatus sauda, dan tanah liat. Walau bagaimanapun, kajian-kajian ini bersifat terpencil (*fragmented*) dan sebahagian besarnya terperangkap dalam kerangka *Tibb an-Nabawi* (Perubatan Nabawi) yang memfokuskan kepada rawatan penyakit sistemik secara dalaman atau diet pemakanan. Usaha untuk mengekodkan elemen-elemen ini ke dalam sebuah kerangka kosmetologi yang komprehensif masih belum diusahakan secara tuntas.

Bagi mengatasi kelompangan ini dan menyatukan perbincangan yang berselerak, pendekatan Tafsir Tematik (*Mawdu'i*) adalah metodologi yang paling autoritatif. Menurut Dr. Mustafa Muslim (2010) dalam karyanya *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawdu'i*, kaedah tematik tidak sekadar menghimpunkan ayat-ayat secara rawak di bawah satu tajuk, sebaliknya ia merupakan satu proses penggilapan 'Teori Al-Quran' (Rabbaniyyah) yang utuh berhubung sesuatu isu kontemporari. Pendekatan ini membolehkan ayat-ayat berkaitan elemen alam dianalisis secara bersepadu bagi menterjemahkan teks wahyu yang bersifat statik kepada aplikasi realiti (kosmetologi) yang dinamik. Gabungan kaedah ini dengan rujukan silang antara *Tafsir Turath* (klasik) dan penemuan *I'jaz Ilmi* (mukjizat saintifik) mampu membina sebuah pangkalan data kosmetik yang kukuh asas teologinya dan relevan dengan keperluan industri (Said, 2020; Ahmad, 2025).

Secara metodologinya, kajian ini mengaplikasikan pendekatan Tafsir Mawdū'i (tematik) bagi merungkai potensi bahan semula jadi dalam al-Quran untuk aplikasi kosmetologi (Khairani et al., 2025). Berbeza dengan pendekatan *tahlili* yang menafsirkan ayat mengikut turutan mushaf, tafsir mawdū'i berfungsi sebagai kaedah yang berorientasikan masalah (*problem-oriented*) dengan menghimpunkan seluruh ayat yang berkaitan dengan elemen alam dan bahan biotik di bawah satu tema yang khusus (Bakar et al., 2019). Proses ini membolehkan analisis dilakukan secara menyeluruh (komprehensif) bagi membina natijah konseptual dan kerangka hukum yang konsisten terhadap status kesucian serta manfaat fizikal bahan mentah tersebut. Dalam literatur metodologi kontemporari, pendekatan ini dianggap sebagai respons kritikal dalam menjawab isu-isu sains material moden, di mana ia mampu mensintesis etos wahyu dengan keperluan industri kosmetik yang menuntut validasi *Halalan Tayyiban* secara holistic

3. Metod Kajian

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk mewujudkan glosari sumber / bahan / elemen kosmetologi berdasarkan ayat-ayat daripada Al-Quran.

3.1. Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data bermula dengan penentuan tema utama iaitu elemen alam semula jadi di dalam Al-Quran yang mempunyai potensi diaplikasikan dalam penjagaan fizikal dan kosmetologi. Melalui bantuan pangkalan data digital Islam seperti *Maktabah Shamila*, pencarian teks dilakukan bagi menghimpunkan ayat-ayat Al-Quran berdasarkan kata kunci bahasa Arab yang merujuk kepada botani, fauna, unsur bumi, dan proses biokimia (seperti *Zaytun*, *Nahl*, *Turab*, dan *Istihalah*). Ayat-ayat yang diekstrak kemudiannya ditapis secara teliti bagi mengasingkan ayat yang sekadar berbentuk metafora rohani daripada ayat yang secara jelas membicarakan fungsi, penciptaan, serta manfaat fizikal bahan tersebut.

3.2. Kaedah Analisis Data

Teks ayat-ayat AL-Quran yang telah dikumpulkan kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif berteraskan metodologi Tafsir Tematik (*Mawdu'i*). Bagi memastikan interpretasi yang komprehensif dan relevan dengan parameter *Halalan Tayyiban* industri, ayat-ayat tersebut dianalisis melalui rujukan silang antara dua aliran tafsir. Pertama, rujukan *Tafsir Turath* (klasik) seperti *Tafsir Ibn Kathir* dan *Al-Qurtubi* digunakan bagi mendalami konteks linguistik, sebab penurunan ayat (*Asbab al-Nuzul*), dan implikasi hukum (Fiqh) berhubung status kesucian bahan. Kedua, rujukan *Tafsir Kontemporari* seperti *Tafsir Al-Muntakhab* diaplikasikan sebagai medium validasi saintifik (*I'jaz Ilmi*) untuk merungkai logik biologi dan struktur alamiah bahan tersebut agar selari dengan wacana sains material moden.

Hasil sintesis daripada silangan kedua-dua aliran tafsir tersebut seterusnya dikodkan secara bertema (*thematic coding*) untuk menstrukturkan dapatan kajian. Bahan-bahan yang telah dianalisis diklasifikasikan secara sistematik ke dalam enam kategori utama iaitu buah-buahan premium, sayur-sayuran dan tumbuhan, herba dan terbitan makanan, fauna dan hasil laut, unsur bumi dan mineral, serta biokimia dan mikroorganisma. Kesemua data dan huraian tafsir ini akhirnya disepadukan ke dalam sebuah matriks bagi membentuk kerangka asas Glosari Bahan Kosmetik Berteraskan Al-Quran.

4. Hasil Kajian

4.1. Hasil Ekstraksi Ayat dan Surah Berdasarkan Kategori Kosmetologi

Berdasarkan pendekatan *istiqra'* (penelitian menyeluruh) terhadap teks wahyu, kajian ini berjaya mengekstrak himpunan ayat Al-Quran yang secara spesifik menyentuh penciptaan, fungsi, dan manfaat elemen alam yang selari dengan aplikasi kosmetologi. Sebanyak enam (6) kategori utama telah dikenal pasti, merangkumi dimensi flora (buah-buahan, sayuran, herba), fauna (terbitan haiwan dan laut), mineral (unsur bumi), dan tindak balas biokimia.

Hasil ekstraksi mendapati bahawa Al-Quran memberikan penekanan kuantitatif yang berbeza bagi setiap elemen. Sebagai contoh, di bawah Kategori Buah-buahan Premium, *Kurma (Nakhl)* direkodkan paling tinggi dengan 20 kali sebutan, diikuti *Anggur ('Inab)* sebanyak 11 kali dan *Zaitun* sebanyak 7 kali, menunjukkan kepentingannya sebagai sumber biostimulator dan pelindung selular utama. Bagi Kategori Unsur Bumi pula, *Tanah Liat (Turab/Teen)* mencatatkan 18 kali sebutan, menegaskan kepentingannya sebagai asas penciptaan fizikal yang berkapasiti tinggi dalam mengikat toksin.

Keseluruhan pemetaan ayat-ayat Al-Quran berserta kekerapan sebutannya dirumuskan di dalam Jadual 1 bagi membentuk pangkalan data asas (baseline data) kajian ini.

Jadual 1: Senarai ayat-ayat al-quran bagi elemen kosmetik dan penjagaan fizikal

Kategori	Bahan / Elemen	Kekerapan Disebut	Ayat-Ayat Al-Quran (Surah: Ayat)
Kategori 1: Buah-Buahan	Zaitun (<i>Zaytun / Sajarah</i>)	7 kali	Al-An'am: 99, 141 An-Nahl: 11 Al-Mu'minun: 20 An-Nur: 35 'Abasa: 29 At-Tin: 1
	Delima (<i>Rumman</i>)	3 kali	Al-An'am: 99, 141 Ar-Rahman: 68
	Anggur (<i>'Inab / A'nab</i>)	11 kali	Al-Baqarah: 266 Al-An'am: 99 Ar-Ra'd: 4 An-Nahl: 11, 67 Al-Isra': 91 Al-Kahf: 32 Al-Mu'minun: 19 Ya-Sin: 34 An-Naba': 32 'Abasa: 28
	Tin (<i>Teen</i>)	1 kali	At-Tin: 1
	Kurma (<i>Nakhl / Nakhil</i>)	20 kali	Al-Baqarah: 266 Al-An'am: 99, 141 Ar-Ra'd: 4 An-Nahl: 11, 67 Al-Isra': 91 Al-Kahf: 32 Maryam: 23, 25 Ta-Ha: 71 Al-Mu'minun: 19 Ash-Shu'ara': 148 Ya-Sin: 34, 39 Qaf: 10 Al-Qamar: 20 Ar-Rahman: 11, 68 Al-Haqqah: 7 'Abasa: 29
Kategori 2: Sayur-Sayuran & Tumbuhan Ruji	Mentimun (<i>Qiththa'</i>)	1 kali	Al-Baqarah: 61
	Labu (<i>Yaqtin</i>)	1 kali	As-Saffat: 146
	Bawang (<i>Fum / Basal</i>)	1 kali	Al-Baqarah: 61
	Bidara (<i>Sidr</i>)	4 kali	Saba': 16 An-Najm: 14, 16 Al-Waqi'ah: 28
Kategori 3: Herba & Wangian	Halia (<i>Zanjabil</i>)	1 kali	Al-Insan: 17
	Selasih / Wangian (<i>Rayhan</i>)	2 kali	Ar-Rahman: 12 Al-Waqi'ah: 89
	Kapur (<i>Kafur</i>)	1 kali	Al-Insan: 5
	Madu & Lebah (<i>Nahl / 'Asal</i>)	3 kali	An-Nahl: 68, 69 Muhammad: 15
	Susu (<i>Laban</i>)	2 kali	An-Nahl: 66 Muhammad: 15

Kategori 4: Fauna & Hasil Laut	Hasil Laut (<i>Sayd al-Bahr / Lahm Tari</i>)	3 kali	Al-Ma'idah: 96 An-Nahl: 14 Fatir: 12
	Mutiara (<i>Lulu'</i>)	6 kali	Al-Hajj: 23 Fatir: 33 At-Tur: 24 Ar-Rahman: 22 Al-Waqi'ah: 23 Al-Insan: 19
	Air (<i>Maa'</i>) (<i>Fokus penciptaan sel fizikal & penyucian</i>)	7 kali	Al-Baqarah: 164 Al-Anfal: 11 Al-Anbiya': 30 An-Nur: 45 Al-Furqan: 48, 49, 54
Kategori 5: Mineral & Unsur Bumi	Tanah Liat (<i>Turab / Teen / Salsal</i>) (<i>Fokus asas penciptaan fizikal</i>)	18 kali	Ali 'Imran: 59 Al-An'am: 2 Al-A'raf: 12 Al-Hijr: 26, 28, 33 Al-Isra': 61 Al-Kahf: 37 Al-Hajj: 5 Al-Mu'minun: 12 Ar-Rum: 20 As-Sajdah: 7 Fatir: 11 As-Saffat: 11 Sad: 71, 76 Ghafir: 67
	Garam Laut (<i>Milh Ujaj</i>)	2 kali	Ar-Rahman: 14 Al-Furqan: 53 Fatir: 12
	Air (<i>Maa'</i>) (<i>Fokus penciptaan sel fizikal & penyucian</i>)	7 kali	Al-Baqarah: 164 Al-Anfal: 11 Al-Anbiya': 30 An-Nur: 45 Al-Furqan: 48, 49, 54
	Alkohol / Arak (<i>Khamr</i>) (<i>Fokus hukum larangan & perahan</i>)	6 kali	Al-Baqarah: 219 Al-Ma'idah: 90, 91 Yusuf: 36, 41 Muhammad: 15
	Penapaian / Transformasi Biologi (<i>Istihalah</i>)	1 kali	An-Nahl: 66, 67, 69

4.2. Penafsiran Kategori Berdasarkan Tafsir Turath dan Kontemporari

Senarai ayat yang diekstrak pada fasa pertama tidak memadai tanpa pemahaman kontekstual yang tepat. Oleh itu, setiap bahan dalam kategori tersebut telah dianalisis secara bersilang (cross-referencing) menggunakan metodologi Tafsir Mawdu'i. Kajian mendapati bahawa wujud sinergi yang sangat kuat antara penafsiran ulama silam dan sarjana moden. Tafsir Turath (seperti Ibn Kathir dan Al-Qurtubi) meletakkan bahan seperti Zaitun, Delima, dan Bidara dalam konteks penyucian (Taharah), keberkatan (Mubarakah), dan amalan sunnah (Iddahanu / sapan fizikal). Apabila disilangkan dengan Tafsir Kontemporari (Al-Muntakhab), "keberkatan dan kesucian" ini dibuktikan secara saintifik (I'jaz Ilmi) sebagai kapasiti antioksidan yang optimum, kestabilan rantaian lipid pelindung kulit (Abdalla et al., 2024), serta kehadiran biosurfaktan semula

jadi (saponin) yang tidak merosakkan ekosistem (Chang et al., 2025). Jadual 2 menunjukkan matriks induk bagi glosari dibawah kategori buah-buahan.

Jadual 2: Matriks Induk Glosari Kategori Buah-Buahan

Bahan-Bahan	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Turath (Ibn Kathir & Al-Qurtubi)	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Kontemporari (Al-Muntakhab)
Zaitun (<i>Olea europaea</i>)	Disifatkan sebagai <i>Sajaratin Mubarakah</i> (pokok penuh berkat). Minyaknya jernih bercahaya. Sunnah menganjurkan penggunaannya sebagai sapuan fizikal (<i>Iddahanu</i>).	Kejernihan minyaknya dikaitkan dengan kestabilan rantaian lipid yang sangat kebal terhadap pengoksidaan, menjadikannya agen pelindung fizikal unggul (Abdalla et al., 2024).
Delima (<i>Punica granatum</i>)	Tanda kebesaran ciptaan Allah. Ia secara spesifik diklasifikasikan sebagai buah-buahan elit bagi penghuni Syurga.	Struktur susunan bijinya yang padat melambangkan kekayaan fitokimia tersembunyi. Menawarkan perlindungan antioksidan optimum pada tahap selular (Tumbariski et al., 2025; Kürkcü, et al., 2025).
Anggur (<i>Vitis vinifera</i>)	Digambarkan sebagai nikmat asasi kebun di dunia yang subur, serta ganjaran yang menyegarkan tubuh di akhirat.	Wacana sains memfokuskan kepada keupayaan buah ini (biji dan kulit) menapis toksin serta membekalkan tenaga pemulihan pantas kepada sel (Domagala et al., 2025).
Tin (<i>Ficus carica</i>)	Allah SWT bersumpah demi buah ini. Ulama menyifatkannya buah yang sempurna kerana keseluruhan strukturnya dimanfaatkan tanpa sisa buangan.	Kepadatan strukturnya mengandungi mineral berketumpatan tinggi dan enzim biologi aktif yang mempercepatkan proses pembaharuan selular (Winanta et al., 2025).
Kurma (<i>Phoenix dactylifera</i>)	Sumber rezeki dan tenaga utama; menjadi asbab pemulihan tenaga fizikal bagi merawat Maryam ketika proses bersalin.	Kekayaan gula ringkas (fruktosa) dan asid amino di dalamnya ditafsirkan sebagai biostimulator semula jadi yang membekalkan tenaga terus kepada sel (Nwachukwu et al., 2025).

Analisis pengkaji melalui Jadual 2 ini jelas mendedahkan bahawa kategori buah-buahan premium dalam Al-Quran merangkumi Zaitun, Delima, Anggur, Tin, dan Kurma, mempunyai fungsi dwi-dimensi yang mengintegrasikan nilai keberkatan (*barakah*) dengan keberkesanan bioфизиologi yang signifikan. Sintesis antara rujukan *Tafsir Turath* (Ibn Kathir dan Al-Qurtubi) dan *Tafsir Kontemporari* (Al-Muntakhab) membuktikan bahawa deskripsi klasik mengenai "kejernihan" dan "kesempurnaan" bahan-bahan tersebut selari dengan dapatan sains material moden, terutamanya dari aspek kestabilan rantaian lipid, kekayaan polifenol sebagai antioksidan selular, serta kehadiran enzim biokimia yang bertindak sebagai *biostimulator* bagi pembaharuan sel kulit (Endriyatno et al., 2024; Yusoff et al., 2022). Sebagai contoh, arahan fizikal sapuan minyak zaitun (*iddahanu*) dalam teks wahyu divalidasi secara saintifik melalui keupayaan *Squalene* dalam memperkukuh integriti penghadang kulit (*skin barrier*) (Smaoui et al., 2012), manakala penggunaan kurma dan tin mencerminkan potensi pemulihan selular yang tinggi selaras dengan prinsip *Halalan Tayyiban*. Secara tuntasnya, dapatan ini merumuskan bahawa glosari berteraskan Al-Quran ini bukan sekadar himpunan terminologi botani, malah berfungsi sebagai matriks fungsian yang menyediakan justifikasi teologi dan klinikal yang kukuh bagi pembangunan produk kosmetik fungsian yang kompetitif di peringkat global.

Analisis perbandingan dalam Jadual 3 mendedahkan kesinambungan makna yang koheren antara penafsiran *turāth* dan kontemporari terhadap elemen tumbuhan seperti *Cucumis sativus* (mentimun), *yaqṭīn* (labu), *Allium cepa* (bawang), dan *sidr* (bidara). Meskipun berlaku peralihan pendekatan daripada naratif teologikal kepada penjelasan saintifik yang empirik, inti pati manfaatnya tetap konsisten. Tafsir klasik oleh Ibn Kathir dan al-Qurtubi menekankan dimensi sejarah kenabian dan simbolik keberkatan melalui sifat penyejuk, penyembuh, dan penyuci. Sebaliknya, tafsir kontemporari merungkai fungsi tersebut melalui analisis fitokimia yang terperinci, seperti kandungan air tinggi sebagai ejen penghidratan, kompaun bersulfur sebagai antimikrob (Sofa, 2025), serta kehadiran biosurfaktan semula jadi dalam *sidr* (Rosalin et al., 2022; Sabrina, 2023) sebagai ejen pencuci mesra alam.

Jadual 3: Matriks Induk Glosari Kategori Sayur-Sayuran & Tumbuhan Ruji

Bahan- Bahan	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Turath (Ibn Kathir & Al-Qurtubi)	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Kontemporari (Al-Muntakhab)
Mentimun (<i>Cucumis sativus</i>)	Sayuran penyejuk yang diminta oleh Bani Israel. Dalam perubatan Nabawi, ia menyeimbangkan haba badan.	Memiliki struktur selular unik untuk kapasiti pengekalan air yang tinggi, menjadikannya agen penghidratan dan penyejar fizikal yang efisien.
Labu (<i>Yaqtin</i>)	Ditumbuhkan segera (mukjizat) secara khusus untuk menaungi, menyejukkan, dan merawat kulit Nabi Yunus A.S. yang terhakis.	Daun lebar menyediakan teduhan perlindungan fizikal, manakala buah dan getahnya kaya dengan elemen pravitamin bagi pembaharuan tisu badan (Eltahawy et al., 2025).
Bawang (<i>Allium cepa</i>)	Diklasifikasikan sebagai elemen pencegah penyakit bawaan persekitaran dalam kehidupan harian manusia.	Kehadiran kompaun bersulfur menonjolkan sifatnya yang aktif dalam membasmi mikrob patogen dan merangsang kelancaran pembuluh darah mikro (Sofa, 2025).
Bidara (<i>Sidr</i>)	Daunnya masyhur sebagai agen pembersih utama (termasuk hukum sunat menggunakannya untuk mandian penyucian jenazah).	Penghasilan buih semula jadi membuktikan kehadiran kompaun biosurfaktan alam yang menyucikan kotoran tanpa mencemarkan ekosistem air (Rosalin et al., 2022; Sabrina, 2023).

Peralihan ini tidak menafikan kerangka spiritual asal, malahan memperkukuhnya melalui justifikasi bioperubatan yang sistematik; membuktikan bahawa istilah deskriptif dalam tafsir *turāth* merupakan pemerhatian empirikal awal yang kini divalidasi secara saintifik. Secara keseluruhan, dapatan ini mengesahkan keberkesanan pendekatan Tafsir Mawḍūʿī dalam mensintesis dimensi normatif-spiritual dengan sains moden, sekaligus menyumbang kepada pembinaan kerangka etika Qurʿani yang mendasari prinsip *ṭayyib*, keselamatan, dan kelestarian dalam aplikasi kosmetologi kontemporari.

Analisis perbandingan dalam Jadual 4 mendedahkan kesinambungan makna yang koheren antara tafsir *turāth* dan kontemporari terhadap herba seperti halia (*Zingiber officinale*), selasih (*Ocimum basilicum*), dan kapur (*kafur*). Meskipun berlaku peralihan daripada pendekatan simbolik-teologikal kepada penjelasan bioperubatan, intipati manfaat fungsian bahan tersebut tetap konsisten. Dalam tafsir klasik oleh Ibn Kathir dan al-Qurtubi, halia digambarkan sebagai ramuan minuman syurga yang berfungsi "memanaskan" tubuh; naratif yang divalidasi oleh tafsir kontemporari melalui sifat

termogenik sebatian gingerol dan shogaol dalam meningkatkan metabolisme dan stimulasi sirkulasi darah (Loyal et al., 2024).

Jadual 4: Matriks Induk Glosari Kategori Herba

Bahan	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Turath (Ibn Kathir & Al-Qurtubi)	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Kontemporari (Al-Muntakhab)
Halia (Zanjabil)	Campuran eksotik dalam minuman syurga yang berfungsi menyegarkan dan memanaskan tubuh badan.	Sifat pemanasan (termo-genesis) herba ini dikaitkan dengan kemampuannya melancarkan peredaran darah dan merangsang saraf (Loyal et al., 2024).
Selasih / Rayhan (Ocimum basilicum)	Diiktiraf sebagai kurniaan rezeki di dunia dan wangian khusus yang merehatkan minda di Syurga.	Minyak patinya yang meruap (<i>volatile essential oils</i>) mempunyai nilai meredakan ketegangan saraf pusat di samping menolak kehadiran mikrob (Ahmad et al., 2018).
Kapur (Kafur)	Campuran dalam minuman piala bagi golongan berbuat baik yang berfungsi sebagai penyejuk dan penenang mutlak.	Terkenal dengan sifat endotermik yang menyerap haba dari persekitaran, menjadikannya agen pantas menyahkan keradangan panas pada fizikal (Abdullah et al., 2025).

Selasih atau *raihan* pula, yang diiktiraf dalam literatur klasik sebagai agen penenang, divalidasi secara farmakologi melalui kehadiran minyak pati meruap seperti linalool dan eugenol yang mempunyai kesan *anxiolytic* serta antimikrob (Ahmad et al., 2018). Begitu juga dengan kapur, di mana sifat "penyejuk" dalam tafsir *turāth* kini dapat dijelaskan secara saintifik melalui interaksinya dengan reseptor termal kulit (TRP channels) yang menghasilkan kesan analgesik topical (Abdullah et al., 2025). Perbandingan ini membuktikan bahawa deskripsi metaforik dalam tradisi tafsir bukan sekadar perlambangan spiritual, sebaliknya merupakan pemerhatian empirikal awal terhadap kesan fisiologi fitokimia yang kini divalidasi melalui penyelidikan bioperubatan moden.

Analisis perbandingan dalam Jadual 5 memperlihatkan bahawa penafsiran unsur fauna dan hasil laut seperti madu dan lebah (*nahl*), susu (*laban*), hasil laut (*ṣayd al-baḥr*) dan mutiara (*lu'lu'*) menunjukkan kesinambungan makna antara tafsir *turāth* dan tafsir kontemporari, dengan pengukuhan signifikan melalui dapatan penyelidikan saintifik moden. Dalam tafsir klasik oleh Ibn Kathir dan al-Qurtubi, madu dirujuk sebagai konsep *shifā'* (penawar) yang bersifat menyeluruh, manakala tafsir kontemporari menghuraikannya berdasarkan komposisi enzimatik dan fitokimia madu yang terbukti secara saintifik mempunyai aktiviti antimikrob, antioksidan dan penyembuhan luka, selain peranan sistem pencernaan lebah dalam menapis toksin botani dan menghasilkan profil bioaktif yang berbeza mengikut sumber nektar (Putri Wulandri et al., 2024; Tlak Gajge et al., 2025). Susu pula digambarkan dalam *turāth* sebagai bendalir suci yang terhasil melalui proses yang menakjubkan di antara dua unsur kotor, sementara sains moden menjelaskan fenomena ini melalui mekanisme fisiologi penyerapan nutrien dalam sistem ruminan serta komposisi protein, lipid dan asid amino (Dippong et al., 2025) yang terbukti menyokong pertumbuhan dan pembinaan sel tubuh (Pushpa et al., 2025).

Jadual 5: Matriks Induk Glosari Kategori Fauna & Hasil Laut

Bahan	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Turath (Ibn Kathir & Al-Qurtubi)	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Kontemporari (Al-Muntakhab)
Madu & Lebah (<i>Nahl</i>)	Konsep <i>Shifa'</i> (penawar) digunakan secara mutlak bagi pelbagai penyakit/luka. Kitaran sarang lebah adalah suci.	Sistem pencernaan lebah disifatkan sebagai kilang enzim yang menapis toksin botani. Warnanya mewakili profil antioksidan spesifik (Putri Wulandri et al., 2024)
Susu (<i>Laban</i>)	Bendalir suci yang terhasil secara ajaib melalui tapisan teliti di antara dua kotoran (najis dan darah) dalam perut haiwan.	Wujudnya proses penulenan biologi. Bendalir ini sarat dengan struktur protein dan asid yang membina sel fizikal (Pushpa et al., 2025).
Hasil Laut (<i>Sayd al-Bahr</i>)	"Daging yang segar"; nikmat lautan yang dihalaikan secara mutlak tanpa terikat dengan syarat sembelihan.	Mengetengahkan kekayaan sumber protein lautan tulen yang bebas implikasi penyakit zoonotik, dan mudah diasimilasikan oleh sel manusia (Amirvaresi et al., 2025)
Mutiara (<i>Lulu'</i>)	Perhiasan berharga dari pertembungan laut; melambangkan standard kecantikan dan keluhuran prestij.	Pembentukannya terhasil daripada mekanisme pertahanan fisiologi (rembesan kalsium/asid amino) oleh tiram bagi melindungi diri dari kerengsaan (Aonsri et al., 2025)

Bagi hasil laut, tafsir klasik menegaskan kehalalan dan nikmat daging yang segar tanpa syarat sembelihan, manakala perspektif kontemporari menekankan kandungan protein berkualiti tinggi, asid lemak omega-3 dan bioavailabiliti nutrien yang terbukti menyokong kesihatan kardiovaskular (Prates, 2025) serta risiko zoonotik yang relatif rendah dalam konteks akuatik tertentu. Sementara itu, mutiara yang dalam turāth dilihat sebagai lambang keindahan dan prestij, dijelaskan secara saintifik sebagai hasil mekanisme pertahanan fisiologi tiram melalui pemendapan kalsium karbonat dan matriks protein sebagai respons terhadap kerengsaan, sekali gus mencerminkan prinsip biologi adaptif (Kalihari dan Patel, 2026).

Analisis perbandingan dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa penafsiran unsur mineral dan bumi seperti air (*mā'*), tanah liat (*turāb/ṣalṣāl*) dan garam laut (*milḥ*) memperlihatkan kesinambungan makna antara tafsir turāth dan tafsir kontemporari, dengan pengukuhan yang jelas melalui dapatan penyelidikan saintifik moden. Dalam tafsir klasik oleh Ibn Kathir dan al-Qurtubi, air digambarkan sebagai asas kehidupan dan medium penyucian mutlak (*tahārah*), manakala tafsir kontemporari menghuraikannya sebagai pelarut universal dan sistem penghantaran biokimia yang terbukti secara saintifik memainkan peranan kritikal dalam tindak balas enzimatik, keseimbangan homeostasis serta fungsi selular.

Jadual 6: Matriks Induk Glosari Kategori Mineral & Unsur Bumi

Bahan	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Turath (Ibn Kathir & Al-Qurtubi)	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Kontemporari (Al-Muntakhab)
Air (<i>Maa'</i>)	"Dan Kami jadikan dari air tiap-tiap benda yang hidup." Elemen kewujudan asasi dan medium penyucian mutlak (<i>Taharah</i>).	Air berfungsi sebagai pelarut universal dan medium pengangkutan (<i>delivery system</i>) yang asasi bagi setiap tindak

Tanah Liat (<i>Turab / Salsal</i>)	Asal kejadian fizikal manusia. Perkataan <i>Teen</i> (tanah basah) merujuk kepada pati tanah tulen berkapasiti mengikat air.	balas biokimia (Mainkhar and Chandrasekhar, 2024). Struktur molekul tanah mempunyai sifat penjerapan (<i>adsorption</i>) yang tinggi, membolehkannya menyerap dan memisahkan toksin dari tubuh dan antimikrob (St George, 2021; Qur'aniati et al., 2022; Nisak et al., 2025).
Garam Laut (<i>Milh</i>)	Rujukan kepada fungsi laut masin dan pahit berbanding laut tawar; terhasil manfaat penyucian dan pemeliharaan.	Lautan masin mengandungi kekayaan mineral galian yang padat (bersifat osmotik) yang mampu mencegah kemudaratan hidupan secara semula jadi (Dao et al., 2025).

Tanah liat pula dalam *turāth* dirujuk sebagai asas kejadian fizikal manusia dan simbol keterikatan kepada bumi, sementara sains moden mengesahkan bahawa struktur molekul tanah liat mempunyai kapasiti penjerapan (*adsorption*) yang tinggi, terbukti mampu mengikat logam berat, toksin dan mikroorganisma tertentu, sekali gus menyokong aplikasinya dalam detoksifikasi, perubatan tradisional dan kosmetik terapeutik (St George, 2021; Qur'aniati, et al., 2022; Nisak et al., 2025). Bagi garam laut, tafsir klasik menekankan fungsi laut masin dan manfaat pemeliharaan, manakala tafsir kontemporari mengaitkannya dengan kandungan mineral dan sifat osmotik yang terbukti secara saintifik mampu menghalang pertumbuhan mikrob, mengekalkan keseimbangan elektrolit serta menyokong kestabilan fisiologi. Dapatan ini menunjukkan bahawa deskripsi normatif dalam tafsir *turāth* berkaitan unsur bumi bukan sekadar simbolik, tetapi selari dengan prinsip fizikokimia dan biologi yang telah dibuktikan melalui kajian dalam bidang biokimia, sains bahan dan mikrobiologi.

Analisis perbandingan dalam Jadual 7 mendedahkan kesinambungan teoretikal yang signifikan antara kerangka hukum *turāth* dengan penjelasan biokimia moden terhadap elemen alkohol (*khamr*) dan proses transformasi bahan (*istihālah*). Dalam tafsir klasik oleh Ibn Kathir dan al-Qurtubi, pengharaman arak difokuskan kepada *'illah* (sebab hukum) memabukkan (*iskār*) dan kemudaratan fizikal. Walau bagaimanapun, tafsir kontemporari memperincikan perbezaan struktur kimia antara etanol dalam minuman berfermentasi dengan alkohol rantai panjang atau *fatty alcohols* (seperti *cetyl* atau *stearyl alcohol*) yang berasal daripada sumber botani. Penyelidikan biokimia moden mengesahkan bahawa profil toksikologi dan kesan fisiologi sesuatu alkohol ditentukan oleh struktur molekul dan panjang rantai karbonnya, di mana *fatty alcohols* berfungsi secara teknikal sebagai ejen emulsi dalam kosmetik tanpa memberikan kesan neurotoksik atau memabukkan.

Jadual 7: Matriks Induk Glosari Kategori Biokimia

Bahan	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Turath (Ibn Kathir & Al-Qurtubi)	Penafsiran Bahan Mengikut Tafsir Kontemporari (Al-Muntakhab)
Alkohol / Pelarut (<i>Khamr</i>)	Pengharaman arak (<i>Khamr</i>) berpunca daripada <i>illah</i> (sebab hukum) ia memabukkan dan merosakkan tubuh (<i>Iskhar</i>).	Fiqh membezakan secara kimia antara alkohol sintetik (toksik/memabukkan) dengan <i>fatty alcohols</i> (alkohol rantai panjang botani) yang memelihara fizikal (Baharum et al., 2020)

Penapaian / Transformasi (<i>Istihalah</i>)	Asas bagi <i>Istihalah</i> (Transformasi Sifat); bahan yang bertukar struktur asalnya secara total, turut berubah hukumnya (menjadi suci).	Isyarat kepada proses penapaian mikroorganisma atau bioteknologi yang mensintesis molekul organik kepada peptida ringkas yang suci dan bio-aktif (Rafika Dwi Rahmah, 2024)
---	--	--

Sejajar dengan itu, konsep *istihālah* yang dalam literatur *turāth* merujuk kepada perubahan menyeluruh sifat bahan (*transformation of essence*), kini dapat dijelaskan secara empirikal melalui mekanisme bioteknologi dan penapaian mikroorganisma. Proses ini melibatkan perubahan struktur molekul secara drastik di mana substrat asal ditukarkan kepada metabolit atau molekul baharu yang mempunyai fungsi biologi dan identiti kimia yang berbeza. Validasi saintifik ini menyokong aplikasi *istihālah* dalam industri kosmetik moden, khususnya dalam penghasilan enzim dan peptida bioaktif melalui biopemprosesan yang menukar bahan mentah asal kepada bahan fungsian yang suci dan bermanfaat (*tayyib*). Integrasi ini membuktikan bahawa parameter hukum klasik mempunyai asas biokimia yang koheren dengan sains material kontemporari.

4.3. Perbincangan Sintesis Tematik Glosari Kosmetik dan Kerangka Halalan Tayyiban

Berdasarkan pangkalan data ayat (4.1) dan hasil analisis tafsir silang (4.2), perbincangan sintesis tematik ini merumuskan bahawa Al-Quran telah menggariskan sebuah kerangka kosmetologi yang melangkaui konsep kosmetik konvensional. Glosari ini membuktikan bahawa gagasan *Halalan Tayyiban* dalam penciptaan produk penjagaan fizikal berpaksikan di atas dua elemen utama yang saling melengkapi, iaitu:

4.3.1. Elemen Pertama: Integriti Halal (Keabsahan Sumber dan Proses)

Glosari ini menyelesaikan polemik syubhah dalam industri *Research and Development* (R&D) kosmetik. Melalui kategori Fauna dan Biokimia, Al-Quran menegaskan kehalalan mutlak kolagen marin (*Sayd al-Bahr*) sebagai alternatif selamat kepada kolagen mamalia (*porcine/bovine*) komersial yang sering terikat dengan isu sembelihan. Di samping itu, pengiktirafan konsep *Istihalah* (transformasi) seperti proses penghasilan madu dan susu membuka dimensi perundangan yang membenarkan pengekstrakan bahan aktif melalui teknologi penapaian mikroorganisma, selagi mana ia tidak bersumberkan elemen najis atau *khamr* (memabukkan).

4.3.2. Elemen Kedua: Kualiti Tayyiban (Kelestarian Fitrah dan Keberkesanan)

Konsep *Tayyiban* (suci, baik, dan selamat) merupakan roh kepada glosari ini. Ayat-ayat Al-Quran menolak penggunaan bahan sintetik toksik (*khabith*) yang bersifat agresif pada tubuh fizikal. Sebaliknya, Al-Quran menawarkan ekosistem formulasi yang sangat lengkap, iaitu:

- i. Penanda Aras Premium (*Gold Standard*): Bahan berstatus 'syurga' seperti Delima, Zaitun, dan Tin dikhususkan sebagai bahan aktif premium untuk pembaharuan dan perlindungan selular tahap tinggi (Ibrahim, 2022).
- ii. Alternatif Pengawet dan Pencuci Bebas Toksik: Madu diiktiraf sebagai *Shifa'* yang bertindak sebagai pengawet antibakteria semula jadi (menggantikan *Paraben* sintetik), manakala daun Bidara menyediakan penyucian fitrah yang

tidak mencemarkan rantai ekosistem air (menggantikan *Sodium Laureth Sulfate*).

- iii. Keseimbangan Biologi: Penggunaan unsur bumi (Tanah Liat) dan Herba (Kapur/Halia) mencerminkan keprihatinan wahyu terhadap pengurusan keradangan fizikal (termo-genesis dan endotermik) untuk mengekalkan homeostasis (keseimbangan) kulit.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menstrukturkan dalil-dalil alam di dalam Al-Quran menjadi sebuah glosari khusus untuk inovasi industri kosmetik. Enam dimensi utama yang digariskan meliputi buah-buahan premium, sayur-sayuran, herba, terbitan fauna dan marin, unsur bumi, serta batasan biokimia—berupaya membentuk keseluruhan anatomi produk kosmeseutikal, bermula daripada agen pelarut asas sehinggalah kepada bahan aktif premium pelindung selular.

Implikasi utama penemuan ini adalah menganjukkan paradigma wacana Islamik daripada sekadar memfokuskan perubatan dalaman (*Tibb an-Nabawi*) kepada penerokaan aplikasi topikal (penjagaan luaran). Glosari ini menegaskan bahawa piawaian *Halalan Tayyiban* bukanlah sekadar pematuhan "pengesahan negatif" (ketiadaan babi dan alkohol), sebaliknya ia menuntut "pengesahan positif" yang mendesak industri menggunakan alternatif alam bebas toksik yang serasi dengan fitrah kulit manusia. Walau bagaimanapun, memandangkan kerangka glosari teologi ini memerlukan validasi empirikal, kesinambungan terhadap pembuktian klinikal, fungsi dermatologi moden serta aplikasi komersial bahan-bahan ini ke dalam ekosistem kosmetik adalah sangat dicadangkan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA. Bagi kajian ini, tiada keperluan untuk mendapatkan kelulusan etika kerana kajian ini hanya menggunakan data sekunder sahaja dan tidak melibatkan data primer (temubual, survey lapangan dll).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, kerjasama, dan sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang pelaksanaan kajian serta penulisan artikel ini.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Industri oleh pihak Rafulin Holding di bawah kod projek: 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (044/2024).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdalla, S., Aroua, M. K., & Gew, L. T. (2024). A comprehensive review of plant-based cosmetic oils (virgin coconut oil, olive oil, argan oil, and jojoba oil): chemical and biological properties and their cosmeceutical applications. *ACS omega*, 9(44), 44019-44032. <https://doi.org/10.1021/acsomega.4c04277>
- Abdullah, M. H., Adam, F., Permana, I. M., & Muhad, F. N. (2025). The Differences between Malay Camphor and Chinese Camphor. *Tsaqafah*, 21(1), 219-266. <https://doi.org/10.21111/tsaqafah.v21i1.13117>
- Ahmad, K., Yusoff, M., Yakub, M., Awang, K., Othman, R., Abd Razzak, M., & Md Ariffin, M. F. (2018). Tumbuhan selasih dalam al-Quran dan Hadith: analisis terhadap manfaatnya berasaskan kepada penyelidikan semasa. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 4(1), 106-125.
- Ahmad, T. (2025). The Identification of Sidr in Islamic Scripture Based on Elaboration of Turath and its Compatibility with Contemporary Data in Botany. *QURANICA-International Journal of Quranic Research*, 17(2), 269-298. <https://doi.org/10.22452/quranica.vol17no2.37>
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran (Terjemahan & Tahqiq)*. Muassasah Ar-Risalah.
- Aonsri, C., Kuljarusnont, S., & Tungmunnithum, D. (2025). Discovering Skin Anti-Aging Potentials of the Most Abundant Flavone Phytochemical Compound Reported in Siam Violet Pearl, a Medicinal Plant from Thailand by In Silico and In Vitro Assessments. *Antioxidants*, 14(3), 272. <https://doi.org/10.3390/antiox14030272>
- Baharum, N. B., Awang, M. D., Arshad, S., & Abd Gani, S. S. (2020). A Study of Literatures: Status of Alcohol in Cosmetics Products from Shariah Views in Malaysia. *KnE Social Sciences*, 379-393. DOI 10.18502/kss.v4i9.7338
- Bakar, S. A., Hussin, H., & Abdullah, W. N. W. (2019). Analisis perkembangan penulisan Tafsir Maudu'i di Malaysia: An analysis of development of thematic exegesis in Malaysia. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 142-153. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.62>
- Borhan, F. P. (2021). Okara: An Undervalued By-Product with Potential as a Halal Cosmetic Ingredient. In *E-Proceedings Halal International 3rd The Management Conference. Sustainability and Empowerment of Halal Industry in the Midst of COVID-19 Pandemic* (p. 1-12). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Chang W, Wang Q, Wei Y, Chang X, Zhang F, Gang C (2025), "Preparation and application of clay inhibitors based on pomegranate extracts". *Green Materials*, 13(3), 221–230, doi: <https://doi.org/10.1680/jgrma.23.00068>
- Dao, Thi-Kien & Nguyen, Trong-The & Ngoc, Vü. (2024). A Review on the Role of Sea Salt in Food and its Applications for Human Health. *Mini-Reviews in Organic Chemistry*. <https://doi.org/10.2174/0118756298273343231128062213>
- Di Sotto, A., Gulli, M., Percaccio, E., Vitalone, A., Mazzanti, G., & Di Giacomo, S. (2022). Efficacy and safety of oral green tea preparations in skin ailments: A systematic review of clinical studies. *Nutrients*, 14(15), 3149. <https://doi.org/10.3390/nu14153149>
- Domagała, B., Orlińska, J., Duda, M., Setkiewicz-Janeczko, Z., Starzyk, M., Piasna-Słupecka, E., Drozdowska, M., & Godos, E. (2025). Natural Phytotherapeutics in Dermatology and Cosmetology: Bioactive Potential of Grape Pomace on Human Skin Fibroblasts. *Molecules*, 30(24), 4679. <https://doi.org/10.3390/molecules30244679>
- Eltahawy, E.K., Ellethy, R.A., Sharada, H.M., Raafat, A.I. and Ahmed, N.A. (2025), Pumpkin Oil/MgO—(Hydroxyethyl Cellulose-Acrylamide) Nanocomposite Hydrogels as

- Potential Wound Dressings: Radiation Synthesis, Characterization, and Biological Appraisals. *Polym Adv Technol*, 36, e70224. <https://doi.org/10.1002/pat.70224>
- Endriyatno, N. C., Walid, M., Nurani, K., & Aifa, A. L. (2024). Formulasi dan Penentuan Nilai SPF Lip Balm Ekstrak Kulit Buah Delima Hitam (*Punica granatum L.*) dengan Variasi Konsentrasi Basis Beeswax dan Carnauba Wax. *Jurnal Mandala Pharmacoin Indonesia*, 10(1), 290-301. <https://doi.org/10.35311/jmpi.v10i1.516>
- Farrah Payyadhah, B., Siti Salwa, A. G., & Noorul Huda, S. (2023). Artificial Neural Network in the Development of Halal Cosmetic Formulation Containing Okara. *Global Journal Al-Thaqafah*, 41-52.
- Ferreira, R. S., Ferreira, A. M., Almeida, M., Oliveira, M., Coutinho, J. A., & Batista, E. A. (2025). Towards sustainable soybean waste management: Bio-based solvent extraction of isoflavones for food and cosmetic applications. *Separation and Purification Technology*, 372, 133435. <https://doi.org/10.1016/j.seppur.2025.133435>
- Ibn Kathir, I. U. (2018). *Tafsir Al-Quran Al-Azim (Terjemahan & Semakan Kontemporari)*. Dar Taibah.
- Ibrahim, S. Z. (2022). Manfaat Buah-Buahan Terpilih Dalam al-Quran Dari Perspektif Hadis Nabi SAW dan Sains. *Hadis*, 12(24), 18-26. <https://doi.org/10.53840/hadis.v13i24.206>
- Johnson Jr, W., Bergfeld, W. F., Belsito, D. V., Hill, R. A., Klaassen, C. D., Liebler, D. C., ... & Heldreth, B. (2023). Safety assessment of Centella asiatica-derived ingredients as used in cosmetics. *International journal of toxicology*, 42(1_suppl), 5S-22S. <https://doi.org/10.1177/109158182311582>
- Kalihari, J. N., & Patil-Bhole, T. (2026). Importance of Therapeutic Use of Pearls [Mukta] In Ayurveda And Other Healthcare Systems For Ophthalmic Ailments-Preventive, Promotive And Curative Role: A Review. *Asian Journal of Medical Research and Health Sciences*, 4(01), 238-252. <https://doi.org/10.65605/a-jmrhs.2026.v04.i01.pp238-252>
- Kementerian Awqaf Mesir. (2015). *Tafsir Al-Muntakhab fi Tafsir Al-Quran Al-Karim*. Majelis Tertinggi Hal Ehwal Islam Mesir.
- Khairani, Y., Hakim, L., Nixon, N., Azimah, N., & Wildani, L. K. (2025). Analisis Deforestasi Dan Hak Hidup Flora Sebagai Subjek Ekologis Dalam Tafsir Al-Qur'an: Analysis of Deforestation and the Right to Life of Flora as Ecological Subjects in the Interpretation of the Qur'an. *Ulumul Qur'an: Jurnal Kajian Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 5(2), 207-223. <https://doi.org/10.58404/uq.v5i2.632>
- Koch, W., Zagórska, J., Marzec, Z., & Kukula-Koch, W. (2019). Applications of tea (*Camellia sinensis*) and its active constituents in cosmetics. *Molecules*, 24(23), 4277. <https://doi.org/10.3390/molecules24234277>
- Kongkaew, C., Meesomperm, P., Scholfield, C. N., Chaiwiang, N., & Waranuch, N. (2020). Efficacy and Safety of Centella Asiatica (L.) Urb. on Wrinkles: A Systematic Review of Published Data and Network Meta-Analysis. *Journal of Cosmetic Science*, 71(6).
- Kürkçü, Ş., Toprakçı, İ., & Şahin, S. (2025). Ultrasound-Assisted extraction of bioactive components from solid wastes of pomegranate juice industry using deep eutectic solvents: A sustainable approach for enhancing antioxidant properties in cosmetic formulations. *Chemistry Africa*, 8(6), 2317-2331.
- Lajnah al-Quran al-Karim. (n.d.). *Tafsir al-Muntakhab fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Dar al-Ma'arif. Maktabah Shamila (Versi Digital)
- Loyal, K., Salsabillah, N., & Adenina, S. (2024). The Potential of Gingerol Active Compounds In Zingiber Officinale As Anti-Cancer Agents. *International Journal of Islamic and Complementary Medicine*, 5(2), 122-127. <https://doi.org/10.55116/ijicm.v5i2.83>

- Messire, G., Serreau, R., & Berteina-Raboin, S. (2023). Antioxidant Effects of Catechins (EGCG), Andrographolide, and Curcuminoids Compounds for Skin Protection, Cosmetics, and Dermatological Uses: An Update. *Antioxidants*, 12(7), 1317. <https://doi.org/10.3390/antiox12071317>
- Mz, R. D. R. (2019). Alcohol and khamr in fiqh based on science perspective. *International Journal of Islamic Studies and Humanities*, 2(1), 1.
- Nisak, C., Hasriyani, H., & Sukoharjanti, B. T. (2025). Uji Karakteristik Fisik Formulasi Clay Mask Ekstrak Etanol Daun Ungu (*Graptophyllum Pictum* L. Griff) Dan Uji Aktivitas Antibakteri Terhadap *Staphylococcus aureus*. *Nusantara Hasana Journal*, 5(2), 221-234. <https://doi.org/10.59003/nhj.v5i2.1534>
- Nwachukwu, S. C., Edo, G. I., Samuel, P. O., Jikah, A. N., Oloni, G. O., Ezekiel, G. O., & Agbo, J. J. (2025). The botanical details, pharmacological activities and industrial applications of date seed (*Phoenix dactylifera* L.). *Phytochemistry Reviews*, 24(1), 927-951. <https://doi.org/10.1007/s11101-024-09967-3>
- Othman, N., & Ismail, Z. (2024). Beyond permissible ingredients: Synthesizing the Tayyiban criteria in Halal cosmetic R&D. *Journal of Islamic Marketing*, 15(3), 512-529.
- Phupaisan, N., Ampasavate, C., Natakankitkul, S., & Kiattisin, K. (2024). Optimizing Antioxidant and Anti-Hyaluronidase Activities of Mixed *Coffea arabica*, *Centella asiatica*, and *Curcuma longa* Extracts for Cosmetic Application. *Cosmetics*, 11(6), 201. <https://doi.org/10.3390/cosmetics11060201>
- Prates, J. A. M. (2025). The Role of Meat Lipids in Nutrition and Health: Balancing Benefits and Risks. *Nutrients*, 17(2), 350. <https://doi.org/10.3390/nu17020350>
- Pushpa, M. B., Sanjeev, C. J., & Srihitha, S. (2025). *Milk on bone, oral, and gut health*. In *Handbook of Milk Production, Quality and Nutrition* (pp. 311-327). Academic Press. <https://doi.org/10.1016/B978-0-443-24820-7.00057-2>
- Putri, N. A. E., Wulandari, D. A., & Widada, W. (2024). Manfaat madu terhadap imunitas tubuh dalam perspektif pengobatan Islam. *Scientific Proceedings of Islamic and Complementary Medicine*, 2(1), 35-43. <https://doi.org/10.55116/SPICM.V2I1.23>
- Qur'aniati, S., Widhyastini, I. G. A. M., & Susanty, D. (2022). Inhibitory Capacity of Clay Mask 96% Ethanol Extract from Bitter Melon (*Momordica charantia* L.) Against *Staphylococcus aureus*. *Sains Natural: Journal of Biology and Chemistry*, 12(3), 124-133.
- Rosalin, R., Yasser, M., Kishan, S., & Syuhada, N. A. (2022). Karakterisasi Biosurfaktan Dari Ekstrak Daun Bidara Dan Kulit Pepaya. In *Seminar Nasional Hasil Penelitian & Pengabdian Kepada Masyarakat (SNP2M)* (Vol. 7, pp. 106-111).
- Sabrina, A. P. (2023). *Pengembangan Ekstrak Air Daun Bidara Arab (Ziziphus spina-christi L.) Sebagai Biosurfaktan Pada Sediaan Sabun Mandi Cair* (Doctoral dissertation, UBP Karawang).
- Said, S. (2020). *Falsafah Sains Halal dalam al-Qur'an: Kajian Tafsir al-Mawdu'iy* (Doctoral dissertation, Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM)).
- Smaoui, S., Hlima, H. B., Jarraya, R., Kamoun, N. G., Ellouze, R., & Damak, M. (2012). Cosmetic emulsion from virgin olive oil: Formulation and bio-physical evaluation. *African journal of Biotechnology*, 11(40), 9664-9671. <https://doi.org/10.5897/AJB12.163>
- Sofa, N. (2025). *Uji antibakteri kombinasi bawang putih (Allium sativum L.) dan kulit kayu manis (Cinnamomum burmanii, Nees & T. Nees) terhadap Staphylococcus aureus* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim).
- St George, G. (2021). *How Clays Work: Science and Applications of Clays and Clay-Like Minerals in Health and Beauty (Vol. 1)*. Galina St George.

- Sugibayashi, K., Yusuf, E., Todo, H., Dahlizar, S., Sakdiset, P., Arce, F. J., & See, G. L. (2019). Halal cosmetics: A review on ingredients, production, and testing methods. *Cosmetics*, 6(3), 37. <https://doi.org/10.3390/cosmetics6030037>
- Tlak Gajger, I., Dar, S. A., Ahmed, M. M. M., Aly, M. M., & Vlainić, J. (2025). Antioxidant Capacity and Therapeutic Applications of Honey: Health Benefits, Antimicrobial Activity and Food Processing Roles. *Antioxidants*, 14(8), 959. <https://doi.org/10.3390/antiox14080959>
- Tumbarski, Y., Ivanov, I., Vrancheva, R., Mazova, N., & Nikolova, K. (2025). Pomegranate Peels: A Promising Source of Biologically Active Compounds with Potential Application in Cosmetic Products. *Cosmetics*, 12(4), 169. <https://doi.org/10.3390/cosmetics12040169>
- Winanta, A., Zulaekhah, N., Haresmita, P. P., Krisridwany, A., Febriansah, R., & Aprissa, I. (2025). The antioxidant and antiaging activity of fig (*Ficus carica* Linn) leaf ethanolic extract in vitro. *The Thai Journal of Pharmaceutical Sciences*, 49(1), 4. <https://doi.org/10.56808/3027-7922.2938>
- Yusoff, A. N. M., Aziz, M. H. A., & Magiman, M. M. (2022). Kajian Tematik Buah-buahan dalam Al-Quran dan Penggunaannya untuk Rawatan Perubatan Islam. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3, 10-16. <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.2.2022>
- Zainuddin, M., & Deraman, F. (2020). Halal cosmetics and personal care products: A review on the Halalan Tayyiban concept. *Journal of Halal Industry & Services*, 3(1), 15-28.
- Zainuddin, M., & Deraman, F. (2024). The transition from Halal to Halalan Tayyiban in Malaysia's cosmetic OEM industry. *Asian Journal of Halal Research*, 6(2), 112-128.
- Zakaria, N. Z. Y., & Ibrahim, M. A. (2022). Plants Mentioned in the Quran that are related to the parables, history and bounties from Allah. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 98-104.